

Headline **Bekas banduan mati terjun bangunan hospital**
Date **15 May 2010**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Nasional**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**
Page No **22**
Article Size **88 cm²**
Color **Black/white**
ADValue **1,200**
PRValue **3,600**



Bekas banduan mati terjun bangunan hospital

KUALA TERENGGANU: Seorang bekas banduan yang baru dibebaskan Rabu lalu selepas menjalani hukuman penjara lima bulan, mati dipercayai membunuh diri apabila terjun dari tingkat tujuh bangunan Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) di sini, malam kelmarin.

Mangsa berusia 44 tahun dari Kangar, Perlis mendapatkan rawatan di HSNZ, selepas dirujuk Klinik Bukit Payong kerana mengadu tidak sihat ketika melapor diri untuk menyambung perintah sekatan di Balai Polis Bukit Payong, Marang pada Khamis lalu.

Pemangku Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Terengganu, Superintendan K Manoharan, berkata mangsa yang menghidap penyakit tibi dan HIV positif dima-

sukkan ke HSNZ kira-kira jam 3 petang hari sama bagi mendapatkan rawatan susulan.

"Bagaimanapun, kira-kira jam 10.40 malam, lelaki itu dikatakan bangun dari katilnya dan merempuh cermin tingkap hospital itu sehingga pecah sebelum terjun dipercayai kerana mahu membunuh diri.

"Mangsa mati serta-merta di tempat kejadian kerana cedera parah di kepala dan badan. Keluarganya di Kangar sudah dimaklumkan mengenai kejadian untuk menuntut mayat mangsa," katanya.

Manoharan berkata, mangsa dibebaskan dari Penjara Marang Rabu lalu, selepas lima bulan menjalani hukuman penjara kerana terbabit kes dadah di negeri ini.